



www.mbjb.gov.my

Lensa

Bandar Raya JB

LENSA MJB BIL. 1 / 2018

MESRA BERKHIDMAT JUJUR BERBAKTI



MBJB
24
**"Mencetus
Kegemilangan"**
1994 - 2018



PELANCARAN LOGO TEAM MJB



PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2018



PROGRAM GEMPUR BERSAMA SPRM

- 3 – SEKAPUR SIREH DATUK BANDAR JOHOR BAHRU
- 4 & 5 – SEJARAH GEMILANG BANDAR RAYA JB
- 6 – MALAM APRESIASI MEDIA & PELANCARAN LOGO *TEAM MBBJ*
- 7 – *FESTIVITIES @ IIBD* & MALAM AMBANG TAHUN BAHARU 2018
- 8 – MALAM PENGHAYATAN ISLAM
- 9 – SEMINAR KERAJAAN DIGITAL
- 10 – MAJLIS PERHIMPUNAN AWAL TAHUN
- 11 – PERASMIAN LAMAN SERENE (ARCA BULAN & BINTANG)
- 12 & 13 – KILAS LENSEA
- 14 – FORUM INTEGRITI BERSAMA PENIAGA
- 15 – PROGRAM GEMPUR MBBJ BERSAMA SPRM
- 16 & 17 – *MOU APM* - MBBJ & PELANCARAN BRIGED BENCANA MBBJ
- 18 – PELANCARAN ZON BERSIH
- 19 – PERASMIAN BANGUNAN KONSERVASI
- 20 – MAKAN MALAM AMAL
- 21 – KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA DATUK BANDAR
- 22 & 23 – HARI KELUARGA MBBJ

PENAUNG

Haji Amran bin A. Rahman
Datuk Bandar

PENASIHAT

Haji Sidek bin Paiman
Setiausaha

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Fadzlina binti Abdul Malek

SIDANG PENGARANG

Hidayah binti Yusof
Nurul Shafina binti Shaari
Mohamad Rashid bin Selamat
Norasmah binti Mohd Adros

JURU FOTO

Bahri bin Abdullah
Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

DIREKTORI MBBJ

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
PETI SURAT 232, JALAN DATO' ONN, 80720
JOHOR BAHRU, JOHOR

TALIAN AM: 07-219 8000
FAKSIMILE: 07-223 0619
TALIAN BEBAS TOL: 1-300-88-0146
WHATSAPP ADUAN: 019-778 8212
LAMAN WEB: www.mbjb.gov.my
LAMAN SISPA: mbjb.spab.gov.my
E-MEL: info@mbjb.gov.my

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara **PERCUMA**. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

**Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.**

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.



Sekapur Sireh

DATUK BANDAR JOHOR BAHRU

Tanggal 1 Januari 2018, genap Bandar Raya Johor Bahru merayakan ulang tahun perisytiharan ke-24 seiring dengan arus pembangunan dan pemodenan masa kini. Sejarah perisytiharan Johor Bahru sebagai sebuah 'bandar raya' pada 1 Januari 1994 lalu akan terus menjadi memorabilia gemilang yang sangat berharga terutama kepada seluruh penduduk Johor Bahru dan rakyat negeri Johor Darul Ta'zim.

Sepanjang tempoh tersebut, banyak pencapaian yang telah dikecapi oleh pentadbir bandar raya ini iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), antaranya pengiktirafan lima bintang yang diterima menerusi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) pada 2013, yang secara tidak langsung membuktikan MBJB sedang menuju ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien. Selain itu, semangat bekerja yang lebih proaktif dan komited daripada warga kerja MBJB juga menjadi pemangkin utama ke arah kecemerlangan ini.

Kurang dari dua tahun sebelum menjelang tahun 2020, gerak kerja berpasukan yang lebih progresif dalam kalangan warga kerja perlu diterapkan bagi memenuhi hasrat dan visi MBJB untuk menjadikan Johor Bahru bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari. Pelaksanaan 7 objektif strategik utama dalam Pelan Strategik 2016-2020 yang telah dihasilkan sebelum ini turut mencakupi semua aspek pembangunan yang menepati visi yang tersebut.

Bagi merayakan kejayaan sempena 24 tahun usia Bandar Raya Johor Bahru kali ini, pelbagai program dan acara telah dirangka untuk dilaksanakan, antaranya Malam Apresiasi MBJB Bersama Media dan Pelancaran Kalendar & Logo *Team MBJB* sempena ulang tahun perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24, *Festivities@IIBD*, Program Integriti MBJB Bersama Peniaga, Kejohanan Bola Sepak

Piala Datuk Bandar, Pelancaran Ikonik MBJB, Hari Keluarga MBJB dan banyak lagi. Penganjuran program serta acara begini diharapkan dapat mengeratkan lagi jalinan permuafakatan antara warga kerja MBJB dan juga warga Bandar Raya Johor Bahru khasnya pembayar cukai, pemaju dan lain-lain.

Sesungguhnya, sikap positif perlu disemai dan dipraktikkan oleh semua pihak yang terlibat agar imej Johor Bahru sebagai bandar raya kedua yang pesat membangun selepas Kuala Lumpur, sentiasa dapat ditingkatkan melalui gabungan tenaga kerja, kemahiran dan komitmen yang mantap dalam organisasi untuk menghasilkan 'output' seperti yang diharapkan. Kejayaan ini juga tidak akan datang bergolek tanpa usaha dan kerjasama yang padu terutamanya daripada golongan peniaga, penjaja, ahli politik, pemimpin masyarakat, sektor swasta, di samping berganding bahu bersama kerajaan dan MBJB dalam usaha menangani masalah serta aduan semasa terutamanya yang berkaitan dengan alam sekitar, hal ehwal awam, sosial dan pembangunan.

Pada peringkat MBJB sendiri, usaha-usaha sedang diperhebatkan untuk membentuk budaya kerja yang mementingkan kecemerlangan dalam kalangan warga kerjanya. Semoga kepimpinan Datuk Bandar dengan kerjasama Ahli-Ahli Majlis yang terdiri daripada golongan profesional, pihak MBJB akan berusaha dengan lebih gigih untuk melakukan penambahbaikan demi memastikan perkhidmatan dan pentadbiran organisasi ini sentiasa relevan dan memenuhi aspirasi warga Bandar Raya Johor Bahru.

DIRGAHAYU BANDAR RAYA JOHOR BAHRU

Haji Amran bin A. Rahman
Datuk Bandar Johor Bahru




MBJB Rai Sambutan *Ulang Tahun Perisytiharan* **BANDAR RAYA JOHOR BAHRU** *kali ke-24*

GENAP tanggal 1 Januari 2018, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah meraikan ulang tahun perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru yang ke-24. Peristiwa bersejarah perisytiharan Johor Bahru sebagai sebuah 'bandar raya' 24 tahun yang lalu (1 Januari 1994) akan terus menjadi kenangan terindah yang bernilai terutama kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan seluruh penduduk Bandar Raya Johor Bahru. Bermula dengan status Lembaga Bandaran (1910-1950), Majlis Bandaran Johor Bahru (1950-1976), Majlis Perbandaran Johor Bahru (1977-1993) sebelum melangkah ke status Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 1 Januari 1994 hingga kini.

Kronologi perubahan status berdasarkan keluasan kawasan pentadbiran dan persempadanan semula kawasan pentadbiran MBBJ hingga kini (373.18 km persegi) secara tidak langsung membuktikan bahawa pentadbiran bandar raya ini sedang menuju ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Pelbagai program dan aktiviti menarik diadakan bersempena 24 tahun usia Bandar Raya Johor Bahru kali ini, antaranya Malam Apresiasi MBBJ Bersama Media dan Pelancaran Kalendar & Logo Team MBBJ sempena ulang tahun perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24, Festivities@IIBD, Program Integriti MBBJ Bersama Peniaga, Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar, Pelancaran Ikonik MBBJ, Hari Keluarga MBBJ dan banyak lagi. Program seumpama



ini melibatkan penglibatan warga bandar raya dengan harapan agar silaturahim antara warga kerja MBBJ dan juga warga Bandar Raya Johor Bahru khususnya pembayar cukai, pemaju dan sebagainya dapat dipupuk dengan lebih erat lagi.

Semangat kerja berpasukan sememangnya perlu diterapkan dalam diri semua pihak agar imej pentadbiran organisasi Majlis Bandaraya Johor Bahru sentiasa terpelihara, di samping dapat menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan yang diperlukan oleh warga bandar raya Johor Bahru.

Perisytiharan PENUH SEJARAH

Detik-detik Bersejarah

Menuju Status 'Bandar Raya'



Detik bersejarah yang disaksikan, Johor Bahru diisytiharkan bandarnya tepat jam 12.01 pagi.



Menteri Besar Johor bersama Dr. Ting Chew Peh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan antara tetamu kehormat yang hadir.



Lagu bangsa Johor mengiringi keberangkatan raja Baginda Sultan Johor.



Antara ribuan wargakota yang tidak menyahsikan peristiwa gilang gemilang.

30 Januari 1991	Usul kenaikan taraf Majlis Perbandaran Johor Bahru dibawa ke Mesyuarat Penuh Majlis atas saranan Menteri Besar Johor pada ketika itu, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin.
Februari 1992	Beberapa jawatankuasa dibentuk termasuk pelantikan wakil Kerajaan Negeri. Majlis Perbandaran Johor Bahru menyediakan rangka kerja dan prosedur kenaikan taraf.
Mei 1992	Jawatankuasa Pengurniaan Taraf mengemukakan kertas kerja kepada Kerajaan Negeri.
17 Mac 1993	Majlis Perbandaran Johor Bahru diberi perakuan untuk kenaikan taraf bandar raya oleh Kerajaan Negeri tertakluk kepada kelulusan Kabinet.
10 November 1993	Kabinet meluluskan permohonan kenaikan taraf.
1 Januari 1994	Tepat jam 12.01 pagi Johor Bahru diisytiharkan sebagai sebuah bandar raya oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor.



Stesen bas sekitar tahun 1960-an



Tambak Johor sekitar tahun 1930-an



Pasar Besar Sg Segget sekitar 1950-an



Bandar JB sekitar tahun 1960-an



Sungai Segget sekitar tahun 1930-an

MEMORABILIA JOHOR BAHRU

MALAM APRESTIASI MBJB BERSAMA MEDIA



26 DISEMBER 2017 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan beberapa program bersama rakan media seperti acara sukan, jamuan berbuka puasa, jamuan makan malam dan juga sambutan perayaan pelbagai kaum termasuk sambutan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Hari Deepavali dan sebagainya bertujuan mengeratkan jalinan dan hubungan mesra pihak pengurusan MBJB bersama rakan media.

Oleh itu, sempena sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke- 24, MBJB telah mengambil inisiatif meraikan rakan media dalam majlis Malam Apresiasi MBJB Bersama Media & Pelancaran Logo *Team MBJB* serta Kalendar Program Sempena Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke- 24 bertempat di Hotel Berjaya Waterfront, Johor Bahru.

Selain itu, penganjuran program bersifat santai ini adalah sebagai simbolik penghargaan pihak MBJB kepada rakan media yang telah banyak membantu MBJB khususnya dalam aspek promosi, penyampaian maklumat dan informasi terkini kepada warga Bandar Raya Johor Bahru, di samping menguarakan pelbagai promosi aktiviti menarik yang diadakan sempena sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24. Rakan media juga berpeluang menyuarakan hasrat dan harapan mereka terhadap MBJB bagi tujuan penambahbaikan dari aspek perkhidmatan MBJB kepada warga Bandar Raya Johor Bahru khususnya.



PELANCARAN LOGO TEAM MBJB & KALENDAR PROGRAM SEMPENA ULANG TAHUN PERISYTIHARAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU KE-24

PELANCARAN logo *Team MBJB* dan Kalendar Program Sempena Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24 telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.

Turut hadir, tetamu jemputan yang terdiri daripada rakan media MBJB dari pelbagai rangkaian syarikat pengeluaran akhbar termasuklah Utusan Malaysia, Sinar Harian, Berita Harian, *New Straits Times*, Harian Metro, *China Press* dan banyak lagi di samping kehadiran pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru.

MBJB pada 1 Januari 2018 ini akan menyambut ulang tahun ke-24 dengan menampilkan pelbagai program menarik juga melibatkan warga Bandar Raya Johor Bahru seperti *Festivities@IIBD*, Malam Penghayatan Islam, Hari Keluarga, Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar, Forum Integriti Bersama Peniaga dan banyak lagi.

KALENDAR PROGRAM sempena Ulang Tahun Perisytiharan BANDAR RAYA JOHOR BAHRU kali ke-24		
BIL.	TARIKH / HARI	NAMA PROGRAM
DISEMBER		
1	26 DISEMBER 2017 (SELASA)	MALAM APRESIASI MBJB BERSAMA MEDIA & PELANCARAN LOGO TEAM MBJB & KALENDAR PROGRAM SEMPENA PERISYTIHARAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU KE-24
2	29 DISEMBER 2017 (JUMAAAT)	FESTIVITIES @ IIBD FOOD
3	30 DISEMBER 2017 (SABTU)	FESTIVITIES @ IIBD FAMILY
4	31 DISEMBER 2017 (AHAD)	MALAM PENGHAYATAN ISLAM & FESTIVITIES @ IIBD MALAM AMBANG TAHUN BAHARU
JANUARI		
6	09 JANUARI 2018 (SELASA)	SEMINAR KERAJAAN DIGITAL
7	15 JANUARI 2018 (ISNIN)	FORUM INTEGRITI BERSAMA PENIAGA
FEBRUARI		
8	20 FEBRUARI 2018 (SELASA)	MAJLIS MENANDATANGANI PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA MBJB & PELANCARAN SKUAD BENCANA
9	26 FEBRUARI 2018 (ISNIN)	PELANCARAN IKONIK MBJB: BERKUALITI BERSAMA SAMA
10		PERASMIAN 8 BANGUNAN KAWASAN PERSEKUTUAN THINKCITY DI SUNGAI SEGGET
MAR		
11	6 MAC 2018 (SELASA)	MAKAN MALAM AMAL
12	9-11 FEBRUARI 2018 (JUMAAAT-AHAD)	KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA DATUK BANDAR
APRIL		
13	14 APRIL 2018 (SABTU)	HARI KELUARGA MBJB





FESTIVITIES@IIBD

SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN PERISYTIHARAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU KE -24

PROGRAM	LOKASI
PROGRAM PER 2017	
SAMA MEDIA & MBJB SERTA PELANCARAN ANA ULANG TAHUN JOHOR BAHRU KALI KE-24	HOTEL BERJAYA WATERFRONT, JOHOR BAHRU
	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
	MASJID SULTAN ISKANDAR, BANDAR DATO' ONN
	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
ARI 2018	
	HOTEL DOUBLE TREE, JOHOR BAHRU
PENIAGA	HOTEL BERJAYA WATERFRONT, JOHOR BAHRU
ARI 2018	
MEMORANDUM ARA APM-MBJB & NA	DEWAN JUBLI INTAN SULTAN IBRAHIM, JOHOR BAHRU
PELANCARAN ZON BERSIH	PERSIARAN SUNGAI SEGGET
ONSERVASI BERSAMA T	
2018	
	HOTEL BERJAYA WATERFRONT, JOHOR BAHRU
ALA DATUK BANDAR	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
2018	
	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU

29 – 31 DISEMBER 2017 – Festivities @ IIBD merupakan festival keramaian yang diadakan untuk warga Bandar Raya Johor Bahru berhibur dan bersuka ria bersama seisi keluarga pada waktu hujung minggu di samping mempromosi produk pelancongan yang terdapat di Johor Bahru kepada pelancong antarabangsa yang datang ke Johor Bahru.

District (IIBD) atau lebih dikenali sebagai *Coronation Square*. *Festivities @ IIBD* menampilkan festival hiburan berkonsepkan muzik, makanan, beli-belah, permainan dan sukan.

Kira-kira 10,000 pengunjung disasarkan hadir termasuklah warga Bandar Raya Johor Bahru dari pelbagai lapisan masyarakat tidak kira bangsa dan peringkat usia. Selain itu, pelancong dari dalam dan luar negara yang datang ke Johor Bahru termasuklah Singapura, Indonesia, Thailand dan lain-lain turut disasarkan sebagai antara pelancong yang memeriahkan lagi program ini. Kemuncak festival ini iaitu pada hari terakhir, 31 Disember 2017 dimeriahkan dengan aktiviti 'Kira Detik' (*countdown*) menjelang 12 tengah malam, sempena Malam Ambang Tahun Baharu, 1 Januari 2018 bersama pengunjung yang hadir.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini diadakan bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru dan menjadi antara 'platform' acara tahunan MJB pada setiap tahun baharu di samping mempromosi nama *Ibrahim International Business*



Malam Akhir Festivities@IIBD - Ambang Tahun Baharu 2018

جملک منامہ منورہ جملہ

TANDA KESYUKURAN WARGA BANDAR RAYA JOHOR BAHRU
MENJELANG TAHUN BAHARU 2018



Program ini bermula seawal jam 6.30 petang dengan bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat serta solat berjemaah, diikuti dengan sesi penyampaian bantuan khas kepada anak-anak yatim dari Baitul Maghfirah oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru. Selepas solat fardhu Maghrib, berlangsungnya sesi ceramah perdana oleh Al-Fadhil YH Dato' Ustaz Badli Shah bin Alauddin, panelis TV dan pendakwah bebas. Program tersebut berjaya menarik ramai warga bandar raya yang turut sama hadir mengimarahkan masjid indah tersebut seterusnya memeriahkan sambutan ulang tahun perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24 dan bersama-sama mengucapkan kesyukuran kepada Allah SWT dengan kehadiran tahun baharu yang lebih mencabar.

31 DISEMBER 2017 – Pada kali ini, majlis kesyukuran sempena meraikan tahun baharu ini dinamakan sebagai 'Malam Penghayatan Islam' dan telah diadakan di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru sempena meraikan ulang tahun perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru kali ke-24. Penganjuran program ini bertujuan melahirkan tanda kesyukuran dan memohon ke hadirat Allah SWT agar kehadiran tahun baharu 2018 akan membawa Bandar Raya Johor Bahru ke arah sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari selaras dengan visi Majlis Bandaraya Johor Bahru.





SEMINAR KERAJAAN DIGITAL

Ke Arah Membangunkan dan Menyediakan Perkhidmatan Digital Terbaik Kepada Warga JB

9 JANUARI 2018 – *Microsoft Malaysia* dan *Prestariang Systems Sdn. Bhd.* menganjurkan Seminar Kerajaan Digital dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) selaku tuan rumah.

Penganjuran seminar ini memberi fokus kepada pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui penggunaan teknologi digital dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Seminar ini ditaja sepenuhnya oleh pihak *Microsoft Malaysia* dan menyasarkan penglibatan semua wakil dari PBT di negeri Johor. Seramai anggaran 80 orang peserta telah mengikuti seminar ini bagi memenuhi objektif utama pelaksanaannya. Perasmian Seminar Kerajaan Digital ini telah disempurnakan oleh Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB selaku wakil rasmi Datuk Bandar Johor Bahru.

Pembentangan modul seminar ini telah disampaikan oleh beberapa orang pembentang termasuklah Pn. Jasmine Begum (Director of Legal, Government & Corporate Affairs, Malaysia and New Markets, Microsoft Malaysia) yang membentangkan modul berjudul 'Digital Transformation of Government – Transforming to the Modern Workplace Vision Immersion Experience', Pn. Sity Adila Abdul Satar (Territory Channel Manager, Small, Medium & Corporate – Public Sector, Microsoft Malaysia) yang membentangkan modul berjudul 'Modern Workplace for Government', En. Ananthram Balakrishnan (Business Group Lead-Modern Workplace, Microsoft Malaysia), En. Jdrian Lim (Productivity Specialist, Enovade) dan ramai lagi.





MAJLIS PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2018

10 JANUARI 2018 – Perhimpunan besar yang diadakan setiap awal tahun melibatkan pengurusan tertinggi MBBJ, Ahli-Ahli Majlis MBBJ dan warga kerja MBBJ. Amanat baharu akan disampaikan oleh Datuk Bandar yang mengandungi motivasi, nasihat, azam baharu, dan perancangan baharu yang diinginkan untuk menambahkan kecekapan dan kecemerlangan dalam mutu perkhidmatan organisasi ini dari semasa ke semasa.





PERASMIAN LAMAN SERENE

Dataran & Arca Bulan Bintang

28 JANUARI 2018 – Sempena sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Perasmian Laman Serene berhadapan Istana Bukit Serene bermula jam 7.45 malam. Perasmian majlis ini telah disempurnakan oleh Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, diiringi oleh Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.

Majlis diserikan dengan upacara menandatangani Plak Perasmian Laman Serene, diikuti sesi penyerahan 'Certificate of Practical Compliance' (CPC), penyampaian cenderahati serta gimik perasmian 'walkabout'.

Laman Serene mula dibuka kepada orang ramai bermula dari tarikh perasmiannya, sebagai sebuah destinasi pelancongan, riadah dan lokasi untuk aktiviti kekeluargaan khususnya masyarakat di seluruh negeri Johor. Selain itu, pembangunan Laman Serene juga bertujuan meningkatkan nilai tambah dan kadar ekonomi di samping meningkatkan nilai sosiobudaya dalam kalangan masyarakat khususnya di negeri Johor.

- Berkonsep arca bulan dan bintang berketinggian 14 meter, diinspirasi daripada bulan bintang yang terdapat dalam bendera negeri Johor.
- Binaan menara menyerupai Istana Bukit Serene bergaya moden kontemporari, dengan kombinasi elemen moden dan tradisional seperti kerawang bagi kesan pencahayaan yang lebih menarik.
- Reka bentuk dataran berkonsep bintang lima sebagaimana yang terdapat pada bendera negeri Johor. Kombinasi bintang lima yang berlapis menjadikannya 10 bucu bintang mewakili 10 daerah dalam negeri Johor Darul Ta'zim.

Info Ringkas





Tarikh:
3 Januari 2018

Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Harta 2017

Program ini diadakan pada setiap tahun bagi menggalakkan pemilik harta menjelaskan cukai harta mengikut tempoh ditetapkan. Pelbagai hadiah menarik menanti para pemenang cabutan bertuah ini dengan hadiah utamanya adalah sebuah Proton Suprima S.



Tarikh:
8 Januari 2018

Lawatan Datuk Bandar ke Medan Niaga Pasar Kg. Melayu

Lawatan Datuk Bandar bersama ketua jabatan dan bahagian MBJB yang terlibat ke bangunan pasar baharu milik MBJB di Kg. Melayu bagi meninjau keadaan semasa, di samping beramah mesra dengan para peniaga di pasar tersebut.



Kilas Lensa



Tarikh:
10 Januari 2018

Ceramah Motivasi Bersama Ustaz Don Daniyal Don Biyajid

Sesi ceramah perdana bersama personaliti televisyen yang popular dengan program dakwah dan keagamaan. Ustaz Don Daniyal Biyajid berkesempatan memperihalkan bicara mengenai rezeki dan keberkatan rezeki dalam melakukan pekerjaan harian sebagai motivasi kepada anggota MBJB.



Tarikh:
21 Januari 2018

Hi-Tea Bersama Bakal Penyumbang Dana, Majlis Makan Malam Amal

Hi-Tea bersama bakal penyumbang dana ini diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 21 Januari 2018 dan 21 Februari 2018. Seramai 80 agensi bakal penyumbang dana hadir memeriahkan majlis ini. Sesi taklimat ringkas yang disampaikan oleh Datuk Bandar Johor Bahru turut diadakan mengenai tujuan pengumpulan dana kepada bakal penyumbang dana yang terdiri daripada rakan strategik MBJB seperti pemaju, pengusaha hotel, syarikat dan lain-lain. Dana yang terkumpul akan disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan yang memerlukan.





Tarikh:
30 Januari 2018

Coffee Break with Mayor

Program bertemakan 'Etnik' ini merupakan cetusan idea daripada Datuk Bandar Johor Bahru dan bertujuan mewujudkan komunikasi dua hala antara Datuk Bandar Johor Bahru dengan pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional MBJB seramai 72 orang yang terdiri daripada pelbagai gred. Majlis ini juga merupakan salah satu wadah untuk menyatukan dan meningkatkan kerjasama serta muhibah antara pegawai-pegawai MBJB.



Tarikh:
25 Februari 2018

Majlis Pelancaran Projek Pendidikan Bersepadu & Program 'Jom ke Perpustakaan'

Program saban tahun yang diatur kepada anak-anak warga Bandar Raya Johor Bahru oleh pihak Yayasan Bandaraya Johor Bahru untuk dimanfaatkan sepenuhnya bagi memberi impak kepada pembelajaran mereka sewaktu di sekolah mahupun di luar waktu sekolah. Program ini bertujuan memastikan pelajar dapat menghayati ilmu dan berusaha menjadikan amalan membaca sebagai satu budaya yang berterusan.



Kilas Lensa



Tarikh:
14 Mac 2018

Majlis Jalanan Mesra Ahli-Ahli Majlis MBJB di Hotel Mutiara, Johor Bahru

Program yang diadakan sebagai penghargaan dan meraikan Ahli-Ahli Majlis MBJB yang telah berkhidmat di 24 zon atau kawasan di bawah pentadbiran MBJB. Penganjuran program ramah mesra ini mengeratkan lagi silaturahmi antara pengurusan tertinggi MBJB bersama barisan Ahli Majlis serta tetamu jemputan yang hadir.



Tarikh:
29 Mac 2018

Pertandingan Bowling Pegawai (Pengurusan & Profesional) di Pelangi Leisure Mall, Johor Bahru

Program sukan santai sebagai hiburan sampingan selepas waktu bekerja bagi melepaskan lelah dan tekanan di tempat kerja. Penganjurannya secara tidak langsung mengeratkan hubungan antara pengurusan tertinggi MBJB dan anggota di bawah pimpinan di samping membentuk simbolik hubungan kekeluargaan yang erat antara anggota MBJB.





PROGRAM INTEGRITI BERSAMA PENIAGA

15 JANUARI 2018 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menganjurkan Program Integriti Bersama Peniaga berserta cogan ‘Saya Peniaga Berintegriti’ dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bertempat di Hotel Berjaya Waterfront, Johor Bahru. Program ini menyasarkan peniaga kecil dan sederhana yang terdiri daripada kumpulan Penjaja, Penggerai, Peniaga Pasar Borong, Peniaga Pasar Tani dan Pasar Malam Bergerak dengan tujuan memberi pemahaman berkaitan integriti dan kepentingannya dalam urusan perniagaan yang dijalankan.

Selain itu, program ini diharapkan dapat memperkukuh pembudayaan nilai-nilai integriti dalam memantapkan peranan dan tanggungjawab para peniaga dalam institusi ekonomi, di samping penerapan amalan terbaik (*best practices*) untuk meningkatkan integriti dan prestasi kepada para peniaga.

Program ini dimulakan dengan sesi forum berjudul ‘Pengamalan Etika Perniagaan: Apa Peranan Anda Sebagai Peniaga?’ bersama Encik Mhadevan atau lebih dikenali sebagai DJ Dave (Johor FM) selaku moderator dengan menampilkan dua panel iaitu Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang turut menyempurnakan perasmian program ini dan Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru selaku panel kedua.

Selain itu, *booth* pameran turut disediakan dan disertai wakil daripada agensi-agensi seperti Institut Integriti Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, KPDNKK, Tekun Nasional, Bank Negara Malaysia, Jabatan Kesihatan (MBJB) dan Jabatan Pelesenan (MBJB).





Program **GEMPUR** MBBJ Bersama **SPRM**

13 FEBRUARI 2018 – Pelancaran program GEMPUR oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan pelengkap kepada kempen 3J iaitu (Jangan Hulus, Jangan 'Kawtim' & Jangan Settle) melibatkan pegawai awam (khususnya yang terlibat dalam tugas penguatkuasaan, perolehan & pelesenan) dan orang awam. Objektif GEMPUR adalah sebagai peringatan kepada penjawat awam untuk menolak dan melapor rasuah, mendidik orang ramai agar tidak menawarkan rasuah kepada penjawat awam dan meningkatkan imej pegawai dalam perkhidmatan awam.

MBJB turut tidak ketinggalan menyokong pelaksanaan program ini secara rasmi bersama pihak SPRM bertempat di Kaunter Setempat, pejabat utama MBBJ. Program ini telah disempurnakan perasmianya oleh Pengarah SPRM Negeri Johor iaitu, Dato' Hj. Azmi bin Hj. Alias. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Datuk Bandar Johor Bahru, Setiausaha dan Timbalan Setiausaha MBBJ, Ahli-Ahli Majlis MBBJ, ketua-ketua jabatan MBBJ dan wakil pegawai daripada pihak SPRM.

Pelaksanaan GEMPUR ini juga selaras dengan sasaran SPRM iaitu "untuk membersihkan perkhidmatan awam daripada jenayah rasuah dan salah guna kuasa." Pengiktirafan juga diberikan kepada mereka yang menolak rasuah, selaras dengan surat KSN bertajuk 'Garis Panduan Pengiktirafan kepada Penjawat Awam yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah.'

Berdasarkan rekod sehingga 31 Oktober 2017, seramai 214 penjawat awam telah menerima pengiktirafan ini dengan jumlah ganjaran yang telah diberi kepada penjawat awam terbabit iaitu sebanyak RM 384,575.





20 FEBRUARI 2018 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bersama pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan menjayakan pelancaran Briged Bencana MBJB bersama pasukan tersebut. MOU ini telah ditandatangani oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru mewakili Majlis Bandaraya Johor Bahru bersama Kolonel (PA) Mat Zin bin Bujang, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang mewakili Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Johor.

Persefahaman yang terjalin bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia berserta penubuhan Briged Bencana MBJB ini adalah salah satu inisiatif MBJB untuk memperkasakan lagi kerja-kerja membantu agensi keselamatan dan penyelamat dalam mengambil tindakan awal, semasa dan pasca bencana khususnya dalam kawasan pentadbiran MBJB.



MBJB METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSAMA ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA NEGERI JOHOR & PELANCARAN BRIGED BENCANA



Bantuan yang disediakan adalah dalam bentuk pasukan bantuan 'first responsive action' di setiap 24 kawasan Ahli Majlis. Pasukan ini akan bersiap siaga dalam menyediakan kemudahan logistik dan kelengkapan pembersihan secara berpusat dan bergerak kepada mangsa bencana.

Pelancaran Briged Bencana MJB ini secara tidak langsung membuktikan komitmen MJB yang sentiasa bersedia untuk menzahirkan penglibatan mengurus musibah dan bencana yang menimpa warga Bandar Raya Johor Bahru. Selain itu, penubuhan briged ini diharapkan dapat membina persepsi positif masyarakat kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang sentiasa bersedia membantu, membela dan menjaga kebajikan warganya.





PELANCARAN ZON BERSIH

Inisiatif MBBJ Pupuk Rasa Tanggungjawab Menjaga Alam Sekitar

26 FEBRUARI 2018 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah melaksanakan Pelancaran Zon Bersih dan Konservasi Bangunan Warisan Pusat Bandar yang menjadi salah satu ikonik Bandar Raya Johor Bahru. Aktiviti ke arah pelancaran ikonik ini bermula dengan lawatan berbasikal di sekitar Zon Bersih di pusat bandar menaiki basikal 'oBike', bermula di bangunan ibu pejabat MBBJ- Jalan Ibrahim-Jalan Pahang-Jalan Dhoby- Jalan Trus- Jalan Ungku Puan dan berakhir di lokasi pelancaran di Legaran Segget, Johor Bahru.

Pelancaran ikonik ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, disaksikan oleh Datuk Bandar MBBJ, Ahli Parlimen Johor Bahru, Ketua Whip Ahli Majlis serta Ahli-Ahli Majlis MBBJ, ketua jabatan dan bahagian MBBJ dan barisan tetamu yang hadir.

Zon Bersih meliputi kerja-kerja melibatkan infrastruktur dan kemudahan awam dengan peruntukan sebanyak RM 9.8 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan parit tepi jalan, pejalan kaki, dan struktur serta lorong belakang premis perniagaan di kawasan pusat bandar.

Selain itu, MBBJ menyediakan sebanyak 350 buah tong sampah untuk ditempatkan di sekitar Zon Bersih, iaitu tambahan kepada 80 buah tong sampah yang sedia ada. Inisiatif sedemikian diharapkan dapat membuka minda masyarakat agar tidak bersikap mementingkan diri dan sentiasa menjaga kebersihan walau di mana sahaja berada di samping memanfaatkan sepenuhnya kemudahan yang telah disediakan bagi melestarikan kebersihan alam sekitar.



Kriteria yang ditetapkan dalam Zon Bersih:

- Zon Bersih ini meliputi kawasan seluas 600 meter radius, yang berpusat UTC Galleria@Kotaraya, Johor Bahru.
- Meliputi semua aspek kebersihan termasuklah Zon Bebas Rokok, Zon Bebas Denggi, Zon Sifar Sampah dan Zon Sifar Polisterina.
- Kawasan Zon Bersih akan ditandakan melalui papan tanda di beberapa tempat yang strategik bagi tujuan pemakluman kepada warga bandar raya.
- Hebahan dan promosi mengenai Zon Bersih giat diumumkan kepada masyarakat melalui media massa dan elektronik dan galakan kerjasama dengan komuniti setempat, Ahli Majlis, JPP, NGO dan sebagainya.



PERASMIAN KONSERVASI BANGUNAN WARISAN PUSAT BANDAR

Salah satu inisiatif menjadikan kawasan warisan sebagai 'living heritage city'

26 FEBRUARI 2018 – MBBJ juga telah merangka dan sedang melaksanakan beberapa projek yang berfokus kepada pembangunan infrastruktur dan peningkatan rupa bentuk di pusat bandar dan salah satu projek yang dimaksudkan adalah projek konservasi 8 bangunan warisan di Jalan Segget.

Projek ini adalah projek perintis yang dijalankan oleh MBBJ dengan kerjasama pihak *Think City* bagi menterjemah aspirasi MBBJ menjadikan kawasan warisan di pusat bandar sebagai 'Living Heritage City'.

Projek ini melibatkan kos sebanyak RM 280,000 melalui kaedah perkongsian dana antara MBBJ sebanyak 30% dan 70% daripada pihak *Think City*. Projek konservasi bangunan warisan ini akan menjadi model bagi amalan terbaik kerja-kerja konservasi iaitu membaikpulih fasad, menyusun semula sistem pendawaian, mengecat bangunan, memasang papan iklan yang seragam dan pencahayaan bangunan.



- *Think City* menyediakan *Public Grants Programme* sebanyak RM 2 juta yang boleh dipohon oleh pemilik dan penyewa premis bangunan bagi tujuan membaik pulih fasad dan bumbung bangunan warisan dalam kawasan pusat bandar Johor Bahru.
- Projek *Laneways Improvement Programme* atau transformasi lorong belakang premis turut dilakukan bagi menyelesaikan isu kebersihan, pengurusan sampah, sistem perparitan premis dan sebagai ruang aktif yang selamat dan selesa digunakan.

Info Ringkas





MAJLIS MAKAN MALAM AMAL

Saluran Raih Dana Untuk Badan Kebajikan

6 MAC 2018 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Majlis Makan Malam Amal Sempena Sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24 bertempat di Hotel Berjaya Waterfront, Johor Bahru. Majlis tersebut disambut meriah dan diserikan lagi dengan kehadiran DYMM Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang di-Pertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim berserta anakanda baginda, YAM Tunku Abdul Rahman Hassanal Jeffri ibni Sultan Ibrahim Ismail, Tunku Panglima Johor.

Antara tetamu kehormat yang turut hadir memeriahkan majlis ini ialah YB EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, YB Setiausaha Kerajaan Johor, YB Pegawai Kewangan Negeri Johor, YB Pegawai Daerah Johor Bahru, Datuk Bandar Johor Bahru, YBhg. Tn. Hj. Amran bin A.Rahman dan ramai lagi.

Majlis Makan Malam Amal ini diadakan bertujuan mengumpul dana bagi membantu pertubuhan bukan kerajaan dan badan kebajikan yang memerlukan. Seramai 83 wakil agensi penyumbang dana hadir memeriahkan majlis ini dengan kutipan dana tertinggi sebanyak RM 50,000 bagi sesebuah agensi.

Pengumpulan dana amal adalah melalui konsep penjualan meja yang dibahagikan kepada lima kategori jualan yang menunjukkan nilai sumbangan dana masing-masing iaitu kategori *Platinum* (RM 50,000), *Gold* (RM 20,000), *Silver* (RM 10,000) dan *Bronze* (RM 5,000). Jumlah keseluruhan kutipan dana pada majlis ini dianggarkan kira-kira RM 1,052,500.00. Dana yang terkumpul telah disumbangkan kepada badan-badan kebajikan yang memerlukan antaranya Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor, Yayasan Bandaraya Johor Bahru, Rumah Sri Kenangan Johor Bahru dan badan-badan kebajikan yang lain.

Tetamu jemputan turut dihiburkan dengan persembahan beberapa artis undangan seperti Amira Othman, Annabella Chu, Syakirah Edora, Farhan Azizan dan persembahan nyanyian daripada Orkestra Majlis Bandaraya Johor Bahru.





MBJB Julang Nama Dalam KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA DATUK BANDAR

9 - 11 MAC 2018 - Kejuhanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar sempena sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24 telah diadakan bertempat di Padang Seri Gelam, Dataran Bandaraya Johor Bahru.

Kejuhanan Bola Sepak ini telah mendapat penyertaan daripada 28 pasukan yang terdiri daripada agensi kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia. Jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 616 orang.

Johan disandang pasukan Majlis Bandaraya Johor Bahru B yang membawa pulang hadiah berjumlah RM 10,000.00, piala pusingan, piala iringan dan medal. Naib Johan pula disandang oleh pasukan dari Majlis Perbandaran Subang Jaya yang membawa pulang hadiah berjumlah RM 5,000.00, medal dan sijil dan tempat ketiga dimenangi oleh pasukan dari Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dengan pulangan hadiah berjumlah RM 3,000.00, medal dan sijil.

Pasukan yang tidak mendapat tempat utama dalam kejuhanan ini tidak pulang dengan tangan kosong dan masing-masing turut membawa pulang hadiah wang tunai, berserta medal dan sijil. Pasukan tersebut adalah dari Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Bandaraya Ipoh 2, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Bandaraya Ipoh 1 dan Majlis Daerah Besut. Tahniah diucapkan!





Hari Keluarga

**Erat Silaturahmi
Warga Kerja MBJB**



14 APRIL 2018 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Hari Keluarga sempena meraikan sambutan ulang tahun perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24 bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Penganjuran program ini membuka ruang untuk merapatkan silaturahmi antara pihak pengurusan, pegawai, anggota MBJB bersama ahli keluarga di samping meningkatkan semangat ‘Sayang Organisasi’ dalam kalangan warga kerja dengan melakukan aktiviti riadah seumpama ini bagi mengisi masa lapang. Selain itu, semangat setiakawan dapat dipupuk melalui tugas dan aktiviti yang dilakukan dan memupuk kesedaran terhadap aspek penjagaan kesihatan rohani dan jasmani dalam kehidupan seharian.

Program Hari Keluarga MBJB yang bermula seawal jam 7.00 pagi ini berkonsepkan ‘Mini Karnival’. Konsep ini adalah santai dan hadirin berpeluang mengikuti acara-acara sukan yang diadakan mengikut seksyen dan aktiviti yang disediakan iaitu Seksyen Pentas Utama, Seksyen Kanak-Kanak (*Fun Kids Dream*), Seksyen Dewasa (*Fun Love Adults*), Seksyen Belia (*Cun & Sado*) dan Seksyen Jabatan (*The Champions*).

Sambutan menggalakkan diterima daripada seramai 3,732 warga kerja MBJB berserta ahli keluarga yang menghadiri dan seterusnya memeriahkan program Hari Keluarga MBJB 2018 ini. Pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan antaranya senamrobik, acara sukaneka, cabutan nombor bertuah, persembahan karaoke dan banyak lagi.



MISI
PERKHIDMATAN
PELANGGAN MBBJ



Memberikan
Perkhidmatan Pelanggan
yang Efisien dan Mesra
Kepada Pelanggan



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

PETI SURAT 232, JALAN DATO' ONN,
80720 JOHOR BAHRU, JOHOR

TALIAN AM: 07-219 8000
FAKSIMILE: 07-223 0619
TALIAN BEBAS TOL: 1-300-88-0146
WHATSAPP ADUAN: 019-778 8212

LAMAN WEB: www.mbjb.gov.my
LAMAN SISPAA: mbjb.spab.gov.my
E-MEL: info@mbjb.gov.my

ISSN 2462-1536



9 772462 153006